

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1. Pengenalan

Islam adalah agama yang syumul, yang merangkumi segenap aspek kehidupan manusia yang tidak hanya terhad kepada akidah, ibadah dan akhlak, tetapi juga merangkumi aspek muamalat. Kesyumulan Islam itu terlihat pada kesempurnaan ajaran yang terkandung di dalamnya, logik dan sentiasa menerima pandangan serta bukan sekadar sebuah dogma. Dengan demikian, ajaran Islam sememangnya sentiasa selari dengan perkembangan zaman dan ilmu pengetahuan serta sentiasa sesuai dengan keadaan sepanjang masa.<sup>1</sup>

Ajaran Islam merupakan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk para hamba-Nya, sama ada berkenaan dengan akidah mahupun yang berhubungan dengan muamalat dan syariat. Peraturan-peraturan yang sudah ditetapkan oleh Allah SWT pada umumnya bersifat tegas dan jelas sehingga mudah untuk difahami dan diikuti oleh manusia.<sup>2</sup> Oleh yang demikian, syariat Islam merupakan panduan dan telah mengalami perkembangan yang begitu maju sejak zaman awal Islam. Akhirnya, Islam diwarisi secara turun temurun dari satu generasi kepada satu generasi yang lain sebagaimana asalnya tanpa sebarang keraguan dan syak

---

<sup>1</sup> Muslim Djuned (2009), "Amar Ma'ruf Nahi Munkar Menurut Perpektif Al-Qur'an", *Jurnal Ilmiah Al-Mua'shirah*. Vol. 6, Nomor 1, Januari 2009, h. 49.

<sup>2</sup> Misri A. Muhhsin (2007), "Penerapan Syariat Dalam Perpektif Historis", dalam Azman Ismail *et al.* (eds.), *Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 45.

wasangka.<sup>3</sup> Namun demikian syariat Islam sering difahami secara tidak sepatutnya oleh sebahagian orang dan ini telah mengundang kekeliruan dalam kalangan mereka, khususnya yang pakar dalam bidang undang-undang sivil. Syariat Islam sering dipandang dari satu sudut sahaja, tanpa melihat sudut-sudut yang lain. Setiap kali mendengar mengenai syariat Islam, maka apa yang tergambar dalam minda mereka tidak lebih dari sekadar potong tangan, rejam, dan *qisas* yang boleh dikategorikan sebagai hukuman.<sup>4</sup>

Di negara Indonesia, pelaksanaan syariat Islam telah diamalkan di beberapa daerah seperti Nanggroe Aceh Darussalam, Sumatera Barat, Sulawesi Selatan, Gorontalo, Cianjur, Tasikmalaya dan Banten.<sup>5</sup> Manakala di Nanggroe Aceh Darussalam, penerapan syariat Islam merupakan fenomena yang sangat penting untuk diberi tumpuan. Para pengkaji undang-undang di Indonesia kurang memandang perkara tersebut kerana ianya baru kali pertama berlaku selepas kemerdekaan republik Indonesia. Hal ini juga akan menimbulkan beberapa cabaran dan halangan tentang bagaimana menjalankan sesuatu undang-undang yang baharu, apatah lagi di Indonesia undang-undang yang digunakan adalah undang-undang sivil.<sup>6</sup> Berdasarkan undang-undang yang rasmi, tatacara syariat Islam di Aceh mengikut kepada undang-undang No. 44 Tahun 1999 tentang pelaksanaan keistimewaan provinsi<sup>7</sup> daerah Istimewa Aceh dan undang-undang No. 11 Tahun

---

<sup>3</sup> Rifyal Ka'bah (2004), *Penegakan Syariat Islam di Indonesia*. Jakarta Selatan: Penerbit Khairul Bayan, h. xi.

<sup>4</sup> Topo Santoso (2003), *Membumikan Hukum Pidana Islam: Penegakan Syariat Dalam Wacana dan Agenda*. Jakarta: Gema Insani Press, h. xi.

<sup>5</sup> Moh. Fauzi (2008), *Formalisasi Syariat Islam di Indonesia: Problematika dan Solusi*. Semarang: Walisongo Press, h. 25.

<sup>6</sup> Mudawali (2009), "Program Legislasi Qanun Syariat Islam di Aceh", dalam Jabbar Sabil *et al.* (eds.), *Syariat Islam di Aceh: Problematika Implementasi Syari'ah*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 143-144.

<sup>7</sup> Provinsi adalah nama yang diguna pakai bagi menetapkan sempadan antara satu daerah dengan daerah lain di Indonesia, seperti provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, provinsi Sumatera Utara,

2006 tentang pemerintahan Nanggroe Aceh Darussalam. Kedua undang-undang ini menjadi asas yang kuat kepada pemerintah Aceh untuk melaksanakan syariat Islam. Hal ini membuktikan bahawa syariat Islam merupakan bahagian daripada polisi negara yang dijalankan di Nanggroe Aceh Darussalam. Oleh itu, dalam konteks pelaksanaannya juga tidak luput daripada tanggungjawab negara.<sup>8</sup>

Dalam Fasal 3 undang-undang No. 44 Tahun 1999 dinyatakan bahawa pelaksanaan syariat Islam merupakan keistimewaan yang dianugerahkan kepada provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Keistimewaan ini merupakan bahagian daripada pengiktirafan bangsa Indonesia yang diberikan kepada daerah, kerana perjuangan dan nilai-nilai murni masyarakat yang tetap tersemam secara turun temurun sebagai asas spiritual, moral dan kemanusiaan. Keistimewaan yang dimiliki provinsi Nanggroe Aceh Darussalam merangkumi pelaksanaan kehidupan beragama, adat, pendidikan dan peranan ulama dalam menetapkan polisi daerah.<sup>9</sup>

Bermula dari pengesahan undang-undang tersebut, malahan sejak masih dalam perbincangan undang-undang ini telah menimbulkan perbezaan pandangan di Aceh mengenai manfaat serta kemungkinan kaedah pelaksanaannya di Nanggroe Aceh Darussalam, hal ini jelas kelihatan melalui ceramah yang disampaikan oleh para pendakwah. Namun demikian, sebilangan masyarakat berusaha berfikir positif

---

provinsi Jawa Timur dan provinsi lainnya. Sama halnya yang digunapakai di Malaysia dengan sebutan negeri, seperti negeri Selangor, negeri Kelantan, negeri Terengganu dan negeri lainnya. Pada muka surat seterusnya pengkaji menggunakan istilah provinsi.

<sup>8</sup> Syahrizal Abbas (2007), "Pelaksanaan Syariat Islam di Aceh Dalam Kerangka Sistem Hukum Nasional", dalam Syahrizal *et al.* (eds.), *Dimensi Pemikiran Hukum Dalam Implementasi Syariat Islam di Aceh*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 8.

<sup>9</sup> *Ibid*, h. 9.

dan menyambut baik kewujudan undang-undang tersebut walaupun mereka menyedari pelbagai kekurangan yang terkandung di dalamnya.<sup>10</sup>

Aplikasi syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam pada hakikatnya bertujuan untuk mencegah perbuatan manusia dari perkara-perkara yang songsang dan salah, sama ada ia melalui pemikiran mahupun perbuatan yang sentiasa disebarikan oleh para pendakwah kebatilan pada setiap masa dan tempat. Pelaksanaan syariat Islam di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam tidak hanya berhubungan dengan aspek tertentu sahaja, malah ia (syariat Islam) berhubungkait dengan semua aspek kehidupan. Masalah penyelesaian perselisihan antara individu dan permusuhan yang berlaku dalam masyarakat merupakan contoh daripada masalah kehidupan yang semestinya diselesaikan dengan undang-undang Allah SWT. Demikian pula dengan masalah pendidikan, informasi dan sebagainya. Hal itu berpunca daripada beberapa faktor. Faktor yang terpenting ialah apa yang berhubungkait dengan kesyumulan syariat Islam dalam merangkumi aspek-aspek kehidupan. Allah SWT telah menurunkan syariat dan menjadikannya sebagai jalan hidup bagi umat Islam. Semua persoalan tersebut sesuai dengan undang-undang-Nya yang adil dan petunjuk-Nya yang bijaksana.<sup>11</sup>

## **1.2. Permasalahan Kajian**

Bagi masyarakat Nanggroe Aceh Darussalam, syariat Islam bukanlah sesuatu hal yang baharu, bukan pula setakat nama dan simbol sahaja, sebab mereka telah

---

<sup>10</sup>Alyasa Abubakar (2008), *Penerapan Syariat Islam di Aceh: Upaya Penyusunan Fiqih Dalam Negara Bangsa*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 16.

<sup>11</sup>Syarifuddin Usman (2007), "Penerapan Syariat Islam: Sebagai Suatu Solusi", dalam Azman Ismail *et al.*(eds.), *Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 76.

menjalankan ajaran Islam sebagai pedoman hidup. Tambahan pula, pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam adalah satu kelaziman kerana majoriti masyarakat Nanggroe Aceh Darussalam adalah Muslim.<sup>12</sup> Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam juga telah diamalkan sejak kurun ke 17 yang lalu, kemudian ia dijadikan sebagai asas Perlembagaan yang dijalankan ke atas masyarakat Nanggroe Aceh Darussalam. Penghayatan dan pengamalan ajaran Islam dalam tempoh masa yang cukup panjang tersebut telah melahirkan masyarakat Aceh yang kental dengan nilai-nilai dan budaya Islam. Budaya dan adat yang lahir sebagai buah fikiran para ulama terdahulu berkembang, kemudian ianya diamalkan dan dilestarikan dalam kehidupan masyarakat.<sup>13</sup>

Sejarah mencatatkan bahawa bermula dari abad ke 17 hingga pertengahan abad ke 19, kerajaan Nanggroe Aceh Darussalam telah mencapai puncak kejayaannya dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, pertahanan, keselamatan serta ilmu pengetahuan dan tidak lepas daripada pelaksanaan syariat Islam ketika itu. Keadaan tersebut melahirkan sebuah bidalan yang sangat bijaksana dengan ungkapan: “*Adat bak Poeteumeureuhom, Hukom bak Syiah Kuala, Kanun bak Putroe Phang, Reusam bak Lakseumana*”, yang bermaksud hukum adat di tangan kerajaan dan hukum syariat ada di tangan ulama’.<sup>14</sup>

---

<sup>12</sup>Mengikut data yang pengkaji peroleh dari Badan Pusat Statistik (BPS) provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, menunjukkan bahawa penduduk daerah tersebut majoriti beragama Islam. Agama yang dianut oleh masyarakat Aceh seperti berikut: agama Islam seramai 4.413.244 orang, Kristian Protestan seramai 50.309, Kristian Katolik seramai 3.315 orang, Hindu seramai 136 orang, Buddha seramai 7.062 orang dan Khong Hu Chu seramai 36 orang.

<sup>13</sup>Rasyad (2007), “Pelaksanaan Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam Antara Harapan Kenyataan” dalam Azman Ismail *et al.* (eds.), *Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 87.

<sup>14</sup>*Ibid.*, h. 88.

Namun demikian, bermula dari abad ke 20, syariat Islam mula ditinggalkan sebagai asas panduan hidup masyarakat dalam bangsa dan tanah air. Hal sedemikian mengakibatkan masyarakat Aceh mengalami masa-masa suram dan masa depan yang sangat membimbangkan. Merujuk kepada perkara tersebut, maka hal ini telah menyebabkan masyarakat Aceh merindukan pensyariatan undang-undang Islam. Hakikatnya, apabila syariat Islam diamalkan semula ianya boleh memberi panduan yang tepat dan bersesuaian dalam pelbagai aspek kehidupan. Kemahuan dan keinginan yang kuat untuk menjadikan syariat Islam sebagai pedoman hidup mereka akhirnya tercapai setelah penggubalan undang-undang No. 18 Tahun 2001 tentang Autonomi Khusus<sup>15</sup> bagi provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Lahirnya undang-undang tersebut selepas berakhirnya rejim orde baru pada 21 Mei 1998 dan datangnya rejim reformasi.<sup>16</sup> Dengan disahkan undang-undang tersebut pada tahun 2001, pemerintah republik Indonesia telah memberikan kuasa kepada pemerintah provinsi Daerah Istimewa Aceh untuk menjalankan urusan pemerintahannya sesuai dengan apa yang dikehendaki.

---

<sup>15</sup> Merujuk kepada undang-undang No. 18 Tahun 2001 di atas, Al Yasa' Abubakar membuat satu kesimpulan bahawa autonomi khusus yang dianugerahkan kepada provinsi Nanggroe Aceh Darussalam mempunyai tiga makna khusus seperti berikut: (1) Aceh memperoleh peraturan-peraturan yang berbeza dalam bidang yang sudah diautonomikan ke seluruh provinsi di Indonesia (dengan autonomi daerah). Seperti bilangan Parlimen atau Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) di Aceh lebih banyak berbanding dengan bilangan ahli Parlimen di provinsi-provinsi lain iaitu sebanyak 125 %. (2) Aceh mendapat tambahan kuasa atau ditetapkan dengan ketetapan yang berbeza dalam bidang yang masih menjadi kuasa pemerintah pusat (tidak diautonomikan ke atas daerah lain). Seperti contoh, Aceh mendapat kuasa tambahan iaitu autonomi khusus dalam bidang undang-undang dengan wujudnya izin bagi menggunakan syariat Islam sebagai kandungan undang-undang yang rasmi di Aceh. (3) Selain daripada itu, Nanggroe Aceh Darussalam juga memperolehi keistimewaan, menurut beliau belum jelas kedudukannya, adakah ia sebagai tambahan bagi autonomi yang berlaku di daerah lain atau merupakan kuasa baharu di luar daripada dua bidang kuasa di atas. Di antara keistimewaan tersebut adalah kewujudan wali Nanggroe, kewujudan Majelis Permusyawaratan Ulama sebagai rakan kongsi DPRD dan Gabenor dalam membuat polisi daerah, serta izin penggunaan bendera dan lambang Aceh. Lihat Al Yasa' Abubakar (2008), *Penerapan Islam di Aceh: Upaya Penyusunan Fiqih Dalam Negara Bangsa*. *op. cit.*, h. 32-34.

<sup>16</sup>Orde Baru adalah sebutan bagi masa pemerintahan presiden Soeharto di Indonesia. Orde Baru menggantikan Orde Lama yang merujuk kepada masa kepemimpinan presiden Soekarno. Orde Baru datang dengan azam yang kuat untuk memulih baik kekhilafan yang dilakukan oleh Soekarno pada masa Orde Lama. Orde Baru bermula dari tahun 1966 hingga 1998. Manakala Era Reformasi di Indonesia bermula pada pertengahan 1998, ketika presiden Soeharto meletakkan jawatan pada 21 Mei 1998 dan diganti oleh Timbalan Presiden BJ Habibie ketika itu. Lihat, [http://id.wikipedia.org/wiki/Sejarah\\_Indonesia\\_\(1966-1998\)](http://id.wikipedia.org/wiki/Sejarah_Indonesia_(1966-1998)), 23 November 2012.

Pada era reformasi iaitu sekitar tahun 1998, tuntutan pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam tidak berkurang, malahan meningkat dan mendapat sokongan daripada Parlimen atau Dewan Perwakilan Rakyat (DPR). Atas kehendak dan idea ahli Parlimen, undang-undang No. 44 Tahun 1999 yang mana kandungannya merupakan ketetapan pelaksanaan bagi keistimewaan yang diberikan kepada Nanggroe Aceh Darussalam pada tahun 1959 dahulu telah disahkan.<sup>17</sup> Selepas itu, atas idea ahli Parlimen juga, undang-undang No. 18 Tahun 2001 tentang Autonomi Khusus bagi provinsi istimewa Aceh sebagai provinsi Nanggroe Aceh Darussalam kembali disahkan.<sup>18</sup> Selepas munculnya era reformasi tersebut, maka provinsi Nanggroe Aceh Darussalam berpeluang menjalankan pemerintahan sendiri sesuai dengan kemahuan mereka.

Kemudian dalam pelaksanaan pemerintahan provinsi daerah istimewa Aceh, telah disahkan satu undang-undang baharu iaitu Peraturan Daerah ( Perda )<sup>19</sup> No. 5 Tahun 2000 yang menunjukkan bahawa syariat Islam telah dilaksanakan di Nanggroe Aceh Darussalam dengan memberi kuasa penuh kepada pemerintah daerah Nanggroe Aceh Darussalam untuk mengembang, membimbing dan mengawasi pelaksanaan syariat Islam dengan sebaik mungkin. Sokongan terhadap pelaksanaan syariat Islam ini juga terkandung dalam penjelasan am undang-undang No. 11 Tahun 2006 tentang pemerintah Nanggroe Aceh Darussalam yang mana telah dinyatakan bahawa pelaksanaan syariat Islam merupakan salah satu daripada latar

---

<sup>17</sup>Al Yasa' Abubakar (2009), *Sekilas Syariat Islam di Aceh*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 5. Pada tahun 1959 dengan ketetapan Perdana Menteri Mr. Hardi No. 1/Misi/1959, Provinsi Aceh diberi nama Daerah Istimewa Aceh. Nama Daerah Istimewa Aceh ini mengikut pengertian di daerah dan pusat bermaksud pemberian autonomi seluas-luasnya, terutamanya dalam bidang keagamaan, adat dan pendidikan. Lihat dalam Ismail Suny (1980), *Bunga Rampai Tentang Aceh*. Jakarta: Penerbit Bhratara Karya Aksara, h. 95.

<sup>18</sup>*Ibid.*, h. 6.

<sup>19</sup>Perda adalah undang-undang yang digubal oleh pemerintah daerah dalam mentadbir urusan pemerintahan suatu daerah yang wujud di Indonesia.

belakang penubuhan Mahkamah Syariah yang menjadi sebahagian daripada keistimewaan provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Hingga ke hari ini, enam undang-undang yang berhubung kait dengan kehakiman syariat Islam telah disahkan iaitu Kanun No. 11 Tahun 2002 tentang pelaksanaan syariat Islam yang merangkumi akidah, ibadah dan syiar Islam, Kanun No. 12 Tahun 2003 tentang arak dan sejenisnya, Kanun No. 13 Tahun 2003 tentang perjudian, Kanun No. 14 Tahun 2003 tentang khalwat, Kanun No. 7 Tahun 2004 tentang pengurusan zakat dan Kanun No. 11 Tahun 2004 tentang tugas dan fungsi polis Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.<sup>20</sup>

Nanggroe Aceh Darussalam tersohor dengan gelaran Serambi Mekah, kerana ia merupakan salah satu daripada provinsi yang wujud di Indonesia yang sudah melaksanakan syariat Islam. Hal tersebut terbukti dengan pelaksanaan hukuman sebat yang pertama di bandar Bireuen, yang mana pada hari Jumaat 24 Jun 2005 pemerintah bandar Bireuen sudah melaksanakan hukuman sebat ke atas masyarakat yang melanggar Kanun Jenayah No. 13 Tahun 2003 tentang perjudian. Mahkamah Syariah selaku institusi kehakiman syariat telah menjatuhkan hukuman sebat ke atas 18 pesalah sebanyak enam hingga lapan kali sebatan.<sup>21</sup>

Bandar Bireuen merupakan salah satu dari bandar-bandar yang ada di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam yang sudah melaksanakan syariat Islam secara amali. Hal itu terbukti dengan dilaksanakan hukuman sebat yang pertama di bandar Bireuen pada 24 Jun 2005 dengan menghukum sebat 18 orang pelanggar Kanun No.

---

<sup>20</sup><http://dirmanmanggeng.blogspot.com/2009/02/pelaksanaan-hukuman-cambuk.html>, 10 Ogos 2010.

<sup>21</sup><http://danijurnalis.wordpress.com/2009/08/24/apa-kabar-penerapan-hukuman-cambuk-di-kabupaten-bireuen/>, 27 April 2010.



13 Tahun 2003 tentang perjudian. Selepas berjaya dengan hukuman sebat yang pertama tersebut, kemudian dengan azam yang kuat, kerajaan bandar Bireuen ketika itu di bawah kuasa Bupati<sup>22</sup> Mustafa A. Glanggang kembali melaksanakan hukuman sebat ke atas lima orang tertuduh dalam kes judi pada tarikh 9 September 2005, yang mana hukuman sebat tersebut dilaksanakan di laman Masjid Agung bandar Bireuen selepas solat Jumaat.<sup>23</sup>

Hukuman sebat telah dilaksanakan ke atas pelanggar Kanun Jenayah di bandar Bireuen bermula pada tahun 2005. Walau bagaimanapun, masih lagi berlaku kes pelanggaran kanun jenayah dalam kalangan masyarakat bandar Bireuen terutamanya pelanggaran kanun tentang perjudian, minuman arak dan khalwat. Mengikut data yang diperolehi daripada salah satu media cetak di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam telah menunjukkan bahawa terdapat 542 pesalah yang terbabit dalam pelanggaran kanun jenayah di bandar Bireuen pada tahun 2007 hingga 2008. Dengan maklumat pelanggaran kanun No. 11 Tahun 2002 seramai 479 pesalah dan kanun No. 14 Tahun 2003 seramai 63 pesalah.<sup>24</sup> Mengikut data yang diperolehi pengkaji daripada Pejabat Mahkamah Syariah provinsi Nanggroe Aceh Darussalam menunjukkan bahawa pelanggaran Kanun Jenayah di bandar Bireuen tergolong tinggi berbanding dengan bandar-bandar lain di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Hal itu terbukti dengan berlakunya 48 kes perjudian bermula dari tahun

---

<sup>22</sup>Bupati ialah gelaran yang diberikan pemerintah pusat kepada pemimpin satu kabupaten (bandar) di Indonesia. Di Malaysia disebut dengan Dato' Bandar.

<sup>23</sup><http://danijurnalis.wordpress.com/2009/08/24/apa-kabar-penerapan-hukum-sambuk-di-kabupaten-bireuen/>, 27 April 2010.

<sup>24</sup><http://danijurnalis.wordpress.com/2009/08/24/lima-tahun-penerapan-syariat-islam-di-aceh-di-kabupaten-bireuen-pelanggaran-terbanyak-qanun-nomor-11/>, 29 April 2010.

2005 hingga 2009. Sementara itu kes perjudian yang berlaku di bandar-bandar lain hanya 1 hingga 43 kes pelanggaran sahaja.<sup>25</sup>

Kewujudan senarai kes pelanggaran Kanun Jenayah Syariah di bandar Bireuen tersebut menurut pengkaji disebabkan oleh beberapa masalah yang dihadapi pemerintah bandar Bireuen, sama ada masalah tersebut adalah masalah dalaman mahupun luaran. Maka dengan wujudnya masalah tersebut ianya dapat menghalang pelaksanaan syariat Islam di bandar Bireuen terutamanya pelaksanaan hukuman sebat. Oleh yang demikian, kajian ini wajar dijalankan untuk memperoleh maklumat baharu tentang pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen yang merangkumi kaedah pelaksanaan hukuman sebat, peruntukan kanun jenayah dalam pelaksanaan hukuman sebat, masalah-masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan hukuman sebat serta mengenal pasti pendirian Penguat kuasa kanun jenayah terhadap pelaksanaan hukuman sebat itu di bandar Bireuen.

### **1.3. Persoalan Kajian**

Agar kajian ini fokus, maka pengkaji menulis beberapa persoalan kajian tentang pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen, Nanggroe Aceh Darussalam.

Diantara persoalan kajian yang diketengahkan pengkaji adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah kaedah pelaksanaan hukuman sebat mengikut kanun jenayah di Nanggroe Aceh Darussalam?
2. Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi institusi pelaksana hukuman sebat dalam menjalankan hukuman sebat di bandar Bireuen?

---

<sup>25</sup>Data ini pengkaji peroleh dari Rekap Laporan Terima Perkara Jenayah bermula dari tahun 2005-2009. Banda Aceh: Mahkamah Syariah Aceh.

3. Bagaimanakah pandangan dan pendirian Penguatkuasa Kanun Jenayah terhadap pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen?

#### **1.4. Objektif Kajian**

Merujuk kepada persoalan kajian di atas, maka objektif kajian yang akan dicapai daripada persoalan kajian ini ialah:

1. Mengkaji kaedah pelaksanaan hukuman sebat mengikut Kanun Jenayah provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.
2. Mengenal pasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh institusi pelaksana hukuman semasa menjalankan hukuman sebat di bandar Bireuen.
3. Mengenal pasti pandangan dan pendirian institusi Penguatkuasa Kanun Jenayah terhadap pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen.

#### **1.5. Kepentingan Kajian**

Kajian ini sangat penting untuk dilakukan kerana melihat kepada hasil kajian lepas dalam muka surat 15 hingga 22 didapati bahawa belum ada kajian seumpama ini yang dilakukan. Oleh itu, menurut pengkaji, kajian ini sangat sesuai untuk diketengahkan. Manakala tujuan yang hendak dicapai dalam kajian ini ialah untuk mengetahui lebih terperinci tentang kaedah pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen mengikut Kanun Jenayah Nanggroe Aceh Darussalam. Adakah ianya sesuai dengan perundangan Islam atau tidak. Di samping itu, untuk mengetahui lebih terperinci masalah dan cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan hukuman sebat. Kemudian, untuk mengenal pasti kesan positif dan negatif daripada pelaksanaan

hukuman sebat di bandar Bireuen seterusnya mengetahui kekurangan dan kecacatan pelaksanaannya. Dengan demikian, kajian ini dapat memberi impak positif serta menjadi bahan rujukan mengenai bandar Bireuen khasnya dan bagi bandar lain amnya. Hal ini diharapkan mampu menyumbang kepada pelaksanaan hukuman sebat di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam supaya berjalan dengan baik.

## **1.6. Skop Kajian**

Kajian ini tertumpu kepada perbincangan mengenai pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen dengan melihat kepada aspek peruntukan kanun yang digunakan dalam pelaksanaan hukuman sebat, kaedah pelaksanaan hukuman sebat serta masalah dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Dalam kajian ini pengkaji menghadkan kes pelanggaran Kanun Jenayah bermula dari 2005 hingga tahun 2009. Hal sedemikian dibuat kerana pada tahun tersebut terdapat banyak kes pelanggaran Kanun Jenayah yang berlaku di bandar Bireuen. Bandar Bireuen dipilih sebagai tempat kajian kerana bandar Bireuen merupakan bandar yang pertama melaksanakan hukuman sebat di antara 23 bandar<sup>26</sup> di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Di samping itu, bandar Bireuen juga berada pada peringkat tertinggi dalam pelanggaran Kanun Jenayah berbanding bandar-bandar lain. Hal tersebut terbukti dengan tersenarainya kes pelanggaran terhadap Kanun No. 12 Tahun 2003 tentang khamar dan sejenisnya, Kanun No. 13 Tahun 2003 tentang perjudian dan Kanun No. 14 Tahun 2004 tentang khalwat seperti berikut:

---

<sup>26</sup> Lihat dalam [http://id.wikipedia.org/wiki/Daftar\\_kabupaten\\_dan\\_kota\\_di\\_Aceh](http://id.wikipedia.org/wiki/Daftar_kabupaten_dan_kota_di_Aceh), 20 November 2012.


**Jadual 1.1: Pelanggaran Kanun Tentang Meminum Arak, Perjudian dan Khalwat Pada Tahun 2005 Hingga 2009<sup>27</sup>**

Nama Bandar	Jumlah Pelanggaran Khalwat, Judi dan Meminum Arak Tahun 2005-2009					Jumlah
	2005	2006	2007	2008	2009	
Bireuen	11	3	9	22	3	48
Meulaboh	7	7	4	1	24	43
Banda Aceh	11	6	8	5	4	34
Tapaktuan	4	7	10	7	6	34
Langsa	10	6	7	3	2	28
Kuala Simpang	12	12	1	0	0	25
Kutacene	23	0	0	0	0	23
Sigli	3	5	4	10	0	22
Jantho	4	6	6	1	4	21
Takengon	19	1	0	0	0	20
Lhokseumawe	1	11	0	0	6	18
Sinabang	0	7	4	1	1	13
Sabang	0	2	0	2	1	5
Meureudu	1	0	1	0	2	4
Lhoksukon	0	2	1	1	0	4
Idi	1	0	1	1	1	4
Singkil	0	0	2	1	1	4
Calang	0	0	0	0	1	1
Blangkejeren	0	0	0	0	0	0

Sumber data: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

<sup>27</sup>Data ini pengkaji peroleh dari Senarai Laporan Terima Perkara Jenayah bermula dari tahun 2005-2009 di pejabat Dinas Syariat Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam pada 23 Mei 2010 di Banda Aceh selepas pengkaji menemubual pengarah Dinas Syariat Islam provinsi Nanggroe Aceh Darussalam di bilik pejabat pada jam 10.30-11.00 Pm. Di samping itu, pengkaji juga memperoleh buku-buku rujukan yang berhubung kait dengan pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam yang ditulis oleh pakar dan ulama Aceh yang berkualiti dalam undang-undang jenayah Islam seperti Prof. Dr. Al Yasa Abubakar, Prof. Dr. Syahrizal Abbas, Prof. Dr. Syahrizal, M.A., Dr. Syamsul Rijal, M. Ag, Dr. Zaki Fuad Chalil, M.A., Dr. Hj. Azman Ismail, M.A., Marah Halim, S. Ag, M. Ag.

**Carta 1.1: Senarai Pelanggaran Kanun Tentang Meminum Arak, Judi dan Khalwat Bermula Dari Tahun 2005 Hingga 2009 di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.<sup>28</sup>**



Sumber data: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Mengikut kepada Jadual 1.1 dan Carta 1.1 di atas, menunjukkan bahawa bandar Bireuen berada pada peringkat atas kes pelanggaran Kanun Jenayah tentang perjudian, meminum arak dan khalwat iaitu sebanyak 48 kes pelanggaran. Manakala pada peringkat menengah iaitu bandar Takengon, Jantho, Sigli, Kutacane, Kuala Simpang, Langsa, Tapaktuan dan Banda Aceh iaitu sebanyak 20 hingga 34 kes pelanggaran. Seterusnya kes pelanggaran sangat rendah ialah bandar Lhokseumawe, Lhoksukon, Sinabang, Sabang, Meuredu, Idi, Singkil, dan Calang iaitu 1 hingga 18

<sup>28</sup>Data ini pengkaji peroleh dari Senarai Laporan Terima Perkara Jenayah bermula tahun 2005-2009 di pejabat Dinas Syariat Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam pada 23 Mei 2010 di Banda Aceh.

kes pelanggaran. Sementara itu, bandar yang tidak terdapat kes pelanggaran dalam carta di atas iaitu bandar Blangkejeren.

### **1.7. Kajian Literatur**

Pengkaji telah melakukan pengkajian terhadap sumber-sumber rujukan seperti buku-buku ataupun karya-karya ilmiah sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia khususnya yang berhubungan dengan tajuk kajian. Hasil kajian mendapati, tidak banyak maklumat yang ditemui dari para sarjana yang membincangkan tentang hukuman sebat, terutama kajian yang dibuat di bandar Bireuen. Akan tetapi pengkaji berusaha sedaya upaya untuk mereview dokumen-dokumen tersebut.

Berdasarkan kajian terhadap kajian-kajian literatur, pengkaji telah memperoleh hasil kajian daripada beberapa sarjana syariah. Di antaranya ialah kajian disertasi yang dilaksanakan oleh Mazlah bt Yaacob yang berajuk, Hukuman sebat: Kajian Dari Perspektif Hukum Islam dan Undang-Undang Jenayah di Malaysia. Dalam kajian tersebut beliau membincangkan tentang kaedah pelaksanaan hukuman sebat dengan fokus kepada saiz alat sebatan, kedudukan semasa disebat, kekuatan pukulan, pakaian semasa menjalani hukuman, sasaran sebatan dan tempat dihukum. Manakala hasil kajian beliau mendapati bahawa kaedah pelaksanaan hukuman sebat mengikut hukum Islam lebih baik daripada undang-undang jenayah di Malaysia. Hal tersebut kerana kaedah dalam hukum Islam sangat menitikberatkan kepada nilai-nilai kemanusiaan.<sup>29</sup> Namun demikian, daripada hasil kajian tersebut tidak terdapat

---

<sup>29</sup> Mazlah Bt Yaacob (2004), "Hukuman Sebat: Kajian dari Perspektif Hukum Islam dan Undang-Undang Jenayah di Malaysia", (Disertasi, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h. 161.

perbincangan mengenai kaedah pelaksanaan hukuman sebat yang dijalankan di beberapa negeri di Malaysia.

Kemudiannya, Paizah Hj. Ismail dalam jurnal syariah telah menulis sebuah artikel yang bertajuk, Kaedah dan Pelaksanaan Hukum Sebat: Satu Penilaian. Di dalam artikel tersebut beliau memberi tumpuan kepada kaedah pelaksanaan hukuman sebat dalam perundangan Islam yang meliputi jenis kesalahan yang dihukum dengan sebat, kadar bilangan sebatan, kadar maksimum dan minimum bagi hukum sebat takzir sampai kepada sifat dan cara pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Setelah beliau mengkaji kaedah pelaksanaan hukuman sebat tersebut, beliau menilai bahawa kaedah hukuman sebat dalam perundangan Islam bertujuan untuk memberi kesan positif kepada pesalah dan bukan untuk menyakitinya.<sup>30</sup> Dalam jurnal yang sama, Ashraf Md. Hashim menulis sebuah artikel dengan judul, Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat di Dalam Islam. Dalam artikel tersebut, huraian Ashraf Md. Mashim tentang kaedah pelaksanaan hukuman sebat dalam Islam tidak jauh berbeza dengan huraian Paizah Hj. Ismail. Setelah Ashraf menghuraikan kaedah pelaksanaan hukuman sebat dalam Islam dengan singkat. Dari hasil perbahasan tersebut, beliau membuat satu kesimpulan bahawa hukuman sebat bukanlah bertujuan untuk membawa kemudaratan yang melampau kepada pesalah, sebaliknya ianya bermaksud untuk memberi pengajaran kepada pesalah dan orang lain dari mengulangi dan melakukan kesalahan yang sama.<sup>31</sup> Namun demikian beliau tidak membincangkan kaedah hukuman sebat dalam Islam dengan terperinci serta tidak menulis dalil-dalil dari al-Qur'an dan Hadith.

---

<sup>30</sup> Prof. Madya Paizah Hj. Ismail (1993), "Kaedah dan Pelaksanaan Hukuman Sebat: Satu Penilaian", *Jurnal Syariah*, Jil. 1 Bil. 1, Januari-Jun 1993, h. 63.

<sup>31</sup> Ashraf Md. Hashim, (2000), "Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat di Dalam Islam", *Jurnal Syariah*, Jil. 8 Bil. 2, Julai 2000, h. 11.



Seterusnya, Muhammad Asri bin Abdullah juga menulis satu artikel yang dimuatkan dalam Jurnal Hukum Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Putra Jaya dengan tajuk, Kaedah Hukuman Sebat di Mahkamah Syariah. Dalam artikel tersebut beliau membincangkan tentang pelaksanaan sebat mengikut peruntukan-peruntukan statutori.<sup>32</sup> Seperti dalam Seksyen 125 Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) telah memperuntukkan beberapa peruntukan mengenai kaedah pelaksanaan hukuman sebat di Mahkamah Malaysia seperti Alat sebatan yang digunakan, tempat pelaksanaan hukuman sebat serta bahagian tubuh yang boleh dan tidak boleh untuk disebat. Dari hasil kajian ini beliau menilai bahawa semua Enakmen Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia sangat memberi tumpuan kepada kaedah pelaksanaan hukuman sebat sehingga tidak mencederakan pesalah.<sup>33</sup>

Manakala Bustami Abubakar telah membuat satu kajian yang bertajuk, Respon Masyarakat Bireuen Terhadap Pelaksanaan Hukuman Cambuk, yang telah dimuatkan dalam buku yang bertajuk, Dimensi Pemikiran Hukum Dalam Implementasi Syariat Islam di Aceh. Dalam artikel tersebut penulis memaparkan tentang sambutan masyarakat Bireuen yang sangat menggalakkan terhadap pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Dalam kajian tersebut beliau mendapati bahawa masyarakat Bireuen sangat menyambut baik dan menyokong pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen.<sup>34</sup> Namun demikian, dalam kajian ini tidak

---

<sup>32</sup> Y.A. Dato' Haji Muhammad Asri bin Abdullah, (2006), "Kaedah Hukuman Sebat di Mahkamah Syariah", *Jurnal Hukum*, Jil. 22 Bil. 1, September 2006, h. 6

<sup>33</sup> Ibid., h. 7

<sup>34</sup> Bustami Abubakar (2007), "Respon Masyarakat Bireuen Terhadap Pelaksanaan Hukuman Cambuk", dalam Syahrizal *et al.* (eds.), *Dimensi Pemikiran Hukum Dalam Implementasi Syariat Islam di Aceh*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 102.

dibincangkan kaedah pelaksanaan hukuman sebat yang dijalankan di Bireuen secara terperinci seperti mana tajuk yang akan dibincang dalam kajian ini.

Selain itu, Arifin Zain telah menulis sebuah artikel yang bertajuk, Syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam yang dimuatkan dalam buku yang bertajuk, *Dinamika dan Problematika Penerapan Syariat Islam*. Dalam artikel ini penulis telah membincangkan masalah yang dihadapi kerajaan dalam melaksanakan syariat Islam di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Kajian mendapati bahawa, masalah yang menjadi penghalang pelaksanaan syariat Islam di Aceh ialah masalah yang berpunca daripada dalaman dan luaran kerajaan.<sup>35</sup> Namun demikian dalam kajian tersebut tidak dibincang secara terperinci masalah tersebut khususnya masalah pelaksanaan hukuman sebat di Bireuen seperti mana yang akan dikaji dalam kajian ini.

Kemudian Syahrizal Abbas telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Syariat Islam di Aceh: Ancangan Metodologis dan Penerapannya*. Penulis buku tersebut juga tidak jauh berbeza dengan kajian yang dibuat oleh Arifin Zain di atas. Dalam kajian tersebut penulis membincangkan beberapa faktor penghalang pelaksanaan syariat Islam di Aceh sama ada masalah daripada luaran mahupun daripada dalam kerajaan. Hasil kajian mendapati bahawa masalah utama pelaksanaan syariat Islam khususnya pelaksanaan hukuman sebat di Aceh iaitu dana dan fasiliti yang terhad.<sup>36</sup>

---

<sup>35</sup>Arifin Zain (2007), "Syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Studi Terhadap Problematika dan Implementasinya", dalam Syamsul Rijal *et al.* (eds.), *Dinamika dan Problematika Penerapan Syariat Islam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 83.

<sup>36</sup>Syahrizal Abbas (2009), *Syariat Islam di Aceh: Ancangan Metodologis dan Penerapannya*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 106.

Di samping itu, Azman Ismail telah menulis sebuah artikel yang bertajuk penerapan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam yang dimuatkan dalam buku yang bertajuk, *Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*. Dalam artikel tersebut penulis lebih fokus kepada cabaran pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam. Daripada hasil kajian tersebut, beliau menilai bahawa cabaran yang paling utama dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh ialah perbezaan pendapat di antara ulama dalam menetapkan model pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam.<sup>37</sup> Namun demikian dalam kajian tersebut tidak membincangkan tentang cabaran yang dihadapi di beberapa bandar dalam pelaksanaan syariat Islam, khususnya pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen.

Selain itu, Saifudin Batasyam dalam bukunya yang bertajuk, *Aceh Madani Dalam Wacana: Format Ideal Implementasi Syariat Islam di Aceh*. Dalam buku tersebut penulis telah membahas tentang format yang sesuai dalam pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam. Hasil kajian beliau mendapati bahawa terdapat tiga perkara yang mesti diberi tumpuan bagi mencapai format dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh iaitu instrumen undang-undang yang akan digunapakai, institusi penguat kuasa undang-undang dan mengenal pasti budaya masyarakat Aceh.<sup>38</sup>

Seterusnya Al Yasa' Abubakar telah menulis sebuah buku yang bertajuk, *Bunga Rampai Pelaksanaan Syariat Islam: Pendukung Kanun Pelaksanaan Syariat Islam*. Dalam kajian ini beliau membincangkan tentang langkah-langkah yang mesti

---

<sup>37</sup>Azman Ismail (2007), "Penerapan Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam: Tantangan dan Solusi", dalam Azman Ismail *et al.* (eds.), *Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 12.

<sup>38</sup>Saifuddin Batasyam *et al.* (2009), *Aceh Madani Dalam Wacana: Format Ideal Implementasi Syariat Islam di Aceh*. Banda Aceh: Aceh Justice Resource Center, h. i.

dilaksanakan oleh masyarakat Aceh bagi menjayakan pelaksanaan syariat Islam di negeri tersebut. Hasil kajian beliau menyimpulkan bahawa perpaduan seluruh masyarakat Aceh merupakan faktor utama kejayaan pelaksanaan syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.<sup>39</sup> Al Yasa' Abubakar juga membuat satu kajian dalam bukunya bertajuk, *Syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Paradigma, Kebijakan dan Kegiatan*. Berdasarkan hasil kajiannya, beliau menyatakan bahawa tujuan pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam adalah untuk melahirkan Muslim yang lebih sempurna, yang lebih baik serta lebih dekat kepada Allah SWT serta menjamin keamanan masyarakat Aceh yang taat terhadap hukum dan undang-undang sehingga ianya mampu membawa kepada kemajuan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.<sup>40</sup>

Berikutnya Mohd. Fauzi telah menulis sebuah tesis dalam memperoleh gelaran doktor falsafah di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh yang bertajuk, *Legislasi Pelaksanaan Syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Pergumulan Sosio-Politik dan Tinjauan Hukum Tata Negara*. Dalam kajian tersebut beliau membincangkan tentang adanya perubahan undang-undang yang selama ini tertumpu pada undang-undang pusat terhadap adanya kebebasan dalam membentuk undang-undang daerah, ataupun dalam istilah yang selalu diguna pakai ialah Peraturan Daerah (Perda). Dari hasil kajiannya, beliau menilai bahawa peraturan daerah merupakan sebagai angin segar dan sebagai pintu masuk untuk

---

<sup>39</sup>Al Yasa' Abubakar (2009), *Bunga Rampai Pelaksanaan Syariat Islam: Pendukung Qanun Pelaksanaan Syariat Islam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 2.

<sup>40</sup>Al Yasa' Abubakar (2008), *Syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Paradigma, Kebijakan dan Kegiatan*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 81.

melaksanakan syariat Islam pada peringkat daerah melalui kewujudan peraturan-peraturan daerah dan undang-undang yang telah dibuat pada peringkat daerah.<sup>41</sup>

Kemudian Abdullah Ahmad menulis sebuah disertasi bagi memperoleh gelaran master dalam program pascasarjana di Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh bertajuk, *Syariat Islam di Aceh : Kajian Tentang Wewenang dan Corak Pejabat Pelaksana*. Dalam kajian tersebut penulis mengkritisi tentang hak kuasa Mahkamah Syariah sebagai institusi kehakiman yang tertulis dalam fasal 25 ayat (1) undang-undang No. 18 Tahun 2001. Dalam fasal tersebut dinyatakan bahawa kehakiman syariat Islam dilakukan oleh Mahkamah Syariat dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah syariat Islam, khususnya dalam kesalahan-kesalahan jenayah yang tidak jelas. Daripada hasil kajiannya, beliau menilai bahawa Mahkamah Syariah berkuasa menjatuhkan hukuman kepada pesalah yang melanggar kanun jenayah yang sedia ada di Aceh.<sup>42</sup>

Merujuk kepada hasil kajian literatur di atas, pengkaji belum mendapati hasil kajian yang membincangkan secara khusus tentang pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Oleh kerana itu dalam kajian ini pengkaji berusaha untuk mendedahkan pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen yang merangkumi kaedah pelaksanaan hukuman sebat, peruntukan kanun hukuman sebat, kes-kes pelanggaran Kanun Jenayah Syariah yang membawa kepada hukuman sebat serta masalah dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan hukuman sebat tersebut,

---

<sup>41</sup>Moh. Fauzi (2009), "Legislasi Pelaksanaan Syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Pergumulan Sosio-Politik dan Tinjauan Hukum Tata Negara" (Disertasi Doktor, Program Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry, Darussalam, Banda Aceh), h. 290.

<sup>42</sup>Abdullah Ahmad (2002), "Syariat Islam di Aceh: Kajian Tentang Wewenang dan Corak Pejabat Pelaksana" (Disertasi, Program Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry, Darussalam, Banda Aceh), h. 49.

pandangan dan pendirian Penguatkuasa Kanun Jenayah terhadap pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Oleh itu, kajian yang akan dilaksanakan ini sangat relevan dan penting untuk dilakukan.

## **1.8. Metodologi Kajian**

### **1.8.1. Kaedah Pengumpulan Data**

Dalam pengumpulan dan mencari data-data, kaedah pengumpulan data terbahagi kepada dua bahagian iaitu data sekunder dan data primer.

#### **1.8.1.1. Data Sekunder**

Bagi mendapat maklumat mengenai pelaksanaan hukuman sebat sama ada dalam perundangan Islam mahupun dalam Kanun Jenayah provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, maka pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Kaedah ini dilaksanakan dengan cara mengumpulkan bahan-bahan rujukan dalam bentuk dokumentasi yang berkaitan dengan tajuk kajian. Melalui kaedah ini, sumber-sumber primer dan sekunder akan dikaji. Ianya akan melibatkan kajian terhadap bahan-bahan bercetak seperti buku-buku, risalah, kertas kerja ilmiah, artikel ilmiah, akhbar, jurnal dan data-data yang berkaitan dengan pelaksanaan hukuman sebat. Setelah semua data serta maklumat yang dikehendaki berjaya dikumpulkan, kesemua maklumat tersebut akan dikaji dan dianalisis agar ia menepati dan bersesuaian dengan keperluan kajian.

#### 1.8.1.2. Data Primer

Kajian ini akan melaksanakan kajian lapangan secara langsung sesuai dengan tajuk yang dipilih untuk dibuat kajian. Oleh yang demikian untuk memperoleh data-data dan maklumat yang tepat, pemerhatian ke tempat yang dikaji akan dibuat iaitu di bandar Bireuen. Untuk memperoleh data primer maka penelitian akan menggunakan dua metod. Kedua-dua metode ini diyakini oleh pengkaji dapat saling menguatkan serta mampu menjawab objektif kajian. Kedua-dua metod tersebut adalah:

##### i. Kajian Kes

Metode ini ditumpukan kepada data-data lapangan, terutamanya data yang tidak diterbitkan yang terdapat pada objek yang dikaji. Diantara data yang telah pengkaji peroleh ialah data Pelanggaran Kanun Jenayah di bandar Bireuen bermula tahun 2005 hingga 2009, yang mana data tersebut telah diperoleh pengkaji daripada Jabatan Mahkamah Syariah bandar Bireuen selepas menemubual Pengetua Mahkamah Syariah Drs. Muzzamil Ali SH pada 25 Mei 2010. Kemudian data kes pelanggaran kanun jenayah di seluruh bandar yang wujud di Nanggroe Aceh Darussalam bermula tahun 2005 hingga 2009. Data ini diperoleh pengkaji daripada Pejabat Mahkamah Syariah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam pada 23 Mei 2010.

Selain daripada data kes tersebut, rujukan utama dalam kajian ini adalah merujuk kepada sebuah buku yang bertajuk "*Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Kanun, Instruksi Gabenor Berkaitan Pelaksanaan Syariah Islam*" dan buku-buku lain yang berkaitan dengan pelaksanaan Syariat

Islam di Nanggroe Aceh Darussalam, yang mana buku-buku tersebut pengkaji peroleh daripada Pejabat Dinas Syariat Islam Nanggroe Aceh Darussalam di Banda Aceh pada 21 Mei 2010.

## ii. Temubual

Temubual yang dimaksudkan ialah menemubual individu-individu tertentu yang berautoriti dalam bidang kajian ini. Metode temubual yang digunakan dalam kajian ini ialah metode temu bual berstruktur dan temubual yang tidak berstruktur. Temubual berstruktur adalah temubual yang mana pengkaji mengemukakan soalan kepada responden mengikut susunan dalam panduan yang disediakan.<sup>43</sup>

Pengkaji menggunakan kedua-dua metode di atas dalam kajian ini, iaitu temubual berstruktur, yang mana pengkaji mengunjungi tempat kajian seperti Pejabat Mahkamah Syariah, Dinas Syariah Islam, Pejabat Pendakwa Raya Kerajaan dan Pejabat Wilayatul Hisbah. Temubual dilakukan secara langsung untuk memperoleh data-data yang tepat dan pasti. Pihak yang ditemubual iaitu Pengetua Mahkamah Syariah Drs. Muzzammil Ali. Temubual ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data kes pelanggaran kanun jenayah bermula tahun 2005 hingga tahun 2010 serta bagi mengetahui pendirian Hakim terhadap pelaksanaan hukuman sebat di Bireuen. Kemudian, Pengarah Dinas Syariah Islam Drs. Umar Budiman. Tujuan daripada temubual ini untuk mengenal pasti masalah dan cabaran yang dihadapi semasa pelaksanaan hukuman sebat serta komitmen institusi tersebut terhadap pelaksanaan

---

<sup>43</sup>Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir. Sdn. Bhd., h. 72. Lihat juga dalam Lexy J. Moleong (1989), *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, h. 190.



hukuman sebat. Seterusnya Pengarah Pendakwa Raya Kerajaan Wawan Ernawan SH dan Pengarah Wilayatul Hisbah Drs. Muhammad Daud. Maksud daripada temubual ini ialah bagi mengetahui kaedah pelaksanaan hukuman sebat di Bandar Bireuen, masalah dan cabaran yang dihadapi semasa menjalankan hukuman sebat.

Adapun temubual tidak berstruktur dijalankan oleh pengkaji dengan cara tidak formal sama ada berkunjung ke rumah responden mahupun membuat temu janji. Pihak yang ditemubual ialah Tengku Jamaluddin Abdullah MBA selaku Pengetua Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) bandar Bireuen dan Tengku Ridwan Abdullah selaku Ulama dan Imam Masjid bandar Bireuen serta beberapa penduduk bandar Bireuen dari kalangan Petani, Guru dan Mahasiswa. Tujuan temubual tersebut adalah untuk mengenal pasti sejauh mana respon masyarakat terhadap pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen.

### **1.8.2. Kaedah Analisis Data**

Proses analisis data sangat penting dalam sesuatu kajian. Hal ini kerana kualiti suatu kajian itu bergantung kepada bagaimana seorang pengkaji menganalisis data yang telah ia perolehi dengan baik dan tepat serta teliti. Proses ini bermula dengan menilai data dan melakukan analisis ke atasnya, seterusnya pentafsiran akan dibuat terhadap data yang telah dinilai dan dianalisis tersebut. Bagi tujuan menganalisis data-data yang diperolehi, pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu analisis kes dan analisis temu bual. Di bawah akan dijelaskan bagaimana cara penggunaan kedua-dua metode analisis tersebut. Cara penggunaannya adalah seperti berikut :

#### 1.8.2.1. Analisis Kes

Setelah data kes pelanggaran Kanun Jenayah tersebut dikumpul, kemudian pengkaji menganalisis data tersebut dengan menggunakan metode deskripsi analisis, yang mana pengkaji menganalisis data tersebut dengan menghuraikan kes pelanggaran Kanun No. 13 Tahun 2003 tentang larangan perjudian dan Kanun No. 14 Tahun 2003 tentang larangan khalwat yang berlaku di bandar Bireuen bermula tahun 2005 hingga tahun 2009. Tujuan daripada analisis data tersebut iaitu untuk mengenal pasti bilangan kes yang sudah diputuskan dan bilangan kes yang sudah dilaksanakan hukumannya serta hukuman sebat yang dijatuhkan ke atas pesalah. Dengan demikian, dapat dikenal pasti realiti sebenar pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Selain daripada itu, untuk mengenal pasti segala masalah yang dapat menghalang pelaksanaan hukuman sebat tersebut.

#### 1.8.2.2. Analisis Temubual

Dari rangkaian temubual di atas, pengkaji dapat mengambil beberapa kesimpulan yang berkaitan dengan objektif kajian. Hasil temubual akan dipadukan antara satu responden dengan responden lainnya untuk memperoleh data yang tepat. Kemudian hasil temubual tersebut dianalisis dengan membandingkan pendapat semua responden sehingga dapat diambil kesimpulan tentang realiti pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Dengan demikian pengkaji dapat mengenal pasti kaedah pelaksanaan hukuman sebat, masalah dan cabaran yang dihadapi Penguatkuasa Kanun Jenayah dalam pelaksanaan hukuman sebat serta pandangan dan pendirian Penguatkuasa Kanun Jenayah terhadap pelaksanaan hukuman sebat di bandar

Bireuen. Seterusnya dengan analisis temubual tersebut ianya dapat menjawab objektif kajian.